

BAB V

SUMBANGAN TOKOH DALAM BIDANG PERSURATAN ISLAM

BAB V

SUMBANGAN TOKOH DALAM BIDANG PERSURATAN ISLAM

Almarhum Dato' Haji Ismail tergolong dari kalangan tokoh ulama' tradisional Kelantan yang banyak menghasilkan buku-buku dan tulisan agama. Walaupun sibuk dengan tugas-tugas harian seperti mengajar di Jamie' Merbau al-Isma'ili dan masjid Muhammadi serta tugas-tugas kemasyarakatan yang lain, namun beliau sempat menghasilkan 30 buah buku yang ditulisnya sendiri atau ditulis bersama penulis lain dan terdapat lebih dari 49 buah artikel dan kertas kerja mengenai berbagai permasalahan. Ada di antaranya telah disiarkan dalam majalah pengasuh dan lain-lain.

Dilihat dari latar belakang pendidikan dan cara hidup seharian, beliau adalah seorang tok guru pondok tradisional. Sebaliknya jika ditinjau dari tulisan-tulisannya menampakkan bahawa beliau adalah seorang ulama' yang bukan sahaja mahir dalam ilmu-ilmu agama bahkan mempunyai pengetahuan yang luas mengenai persoalan dan perkembangan semasa. Beliau menulis dengan gaya baru yang menarik dan mudah difahami berbeza dari tulisan ulama' yang sealiran dengannya.

Setelah dikumpul buku-buku dan artikel tulisan almarhum Dato' Haji Ismail, penulis merasakan bahawa beliau sememangnya seorang ulama' yang menguasai semua bidang ilmu agama yang merangkumi bidang Syariah, Usuluddin, Tasawuf, Akhlak, Hadith, Sejarah Islam dan Dakwah Islamiah serta persoalan semasa umat Islam.

1. SENARAI BUKU DAN TAJUK TULISAN DATO' HAJI ISMAIL

1.1. Buku Teks

Almarhum Dato' Haji Ismail telah menghasilkan 21 buah buku teks untuk kegunaan sekolah agama dan kebangsaan di negeri Kelantan. Beliau menulis buku-buku tersebut dengan tujuan memudahkan para pelajar dan guru dalam matapelajaran yang berkaitan.¹ Buku-buku tersebut ditulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan jawi dan bahasa Arab yang merangkumi berbagai ilmu seperti Akhlak, Tafsir, Hadith, Tauhid, Mustolah Hadith, Usul Fiqh, Mantik dan Sejarah Islam. Senarai buku-buku tersebut ialah :

- i. Asuhan Akhlak 1, 2 dan 3.
- ii. Pelajaran Hadith Tahun 1 dan 2
- iii. Pelajaran Agama (al-Quran dan al-Hadith) Tahun 4 dan 5
- iv. Pelajaran Agama (Tauhid) Tahun 4 dan 5
- v. Pelajaran Agama Islam Tahun 1 dan 2
- vi. Pelajaran Agama Islam Tahun 5 dan 6
- vii. Sejarah Islam Tingkatan 5
- viii. Pelajaran Rukun Iman
- ix. Pelajaran Tauhid Penggal Ketiga
- x. Pengetahuan Islam Tingkatan 4
- xi. Pengetahuan Islam Tingkatan 5

¹ Haji Ismail bin Haji Yusoff (1960). *Pelajaran: Hadith Tahun 1*. Kota Bharu : al-Matbaah al-Ahliyyah, c.1. h. 5.

- xii. Al-Quṭūf al-Dāniyyah Syarḥ al-Manzūmah al-Baiqūniyyah (Mustolah Hadith)
- xiii. Risālah fī ‘ilm Usūl al-Fiqh (Usul Fiqh)
- xiv. Qawā'id al- Mantīq (Ilmu Mantik)

1.1.1. Ulasan Mengenai Buku Teks

Jika dilihat kepada senarai buku-buku teks yang dihasilkan oleh almarhum Dato' Haji Ismail dapat memberi gambaran sebenar akan keilmuan beliau. Penulis cuba memberi ulasan ringkas mengenai buku-buku tersebut mengikut bidang ilmu.

a. Akhlak

Buku-buku mengenai akhlak ini ditulis untuk pelajar tingkatan 1, 2 dan 3. Buku-buku tersebut ialah *Asuhan akhlak 1*, *Asuhan Akhlak 2* dan *Asuhan Akhlak 3*. Ketiga-tiga buku ini membincangkan sifat-sifat yang perlu dimiliki dan dihindari oleh setiap muslim bagi menuju kesempurnaan budi pekerti. "Kesempurnaan manusia boleh didapati dengan dua jalan : pertama , dengan menghiaskan diri dengan sifat-sifat kebaikan dan kedua , dengan membersihkan diri dari sifat-sifat keburukan".² Buku *Asuhan Akhlak 1* menekankan adab dan sifat mulia yang perlu dimiliki oleh setiap pelajar seperti menghormati ibu bapa, guru dan cintakan tanah air.

Manakala *Asuhan Akhlak 2* menyentuh tentang sifat-sifat yang boleh mendekatkan diri kepada Allah seperti zuhud, bersih hati, tawakkal, taqwa dan

² Haji Ismail bin Haji Yusoff (1962), *Asuhan Akhlak Penggal III*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press. c.II. h. 3.

sebagainya. Dalam Asuhan Akhlak 3, penyusun cuba membawa sifat-sifat keburukan yang perlu dijauhi oleh setiap pelajar Islam. Apa yang menarik dari buku-buku ini ialah cara persembahannya. Dato' Haji Ismail telah menulis buku-buku ini dengan cara yang mudah dengan membawa cerita-cerita pengajaran dari setiap sifat yang dibincangkan. Sebagai contoh, beliau membawa cerita seorang nenek kedekut.

*" Perasaan Kedekut itu manakala naik tinggi benar angkanya jadilah orang itu bertabiat dengan kelakuan-kelakuan yang mengelikan hati : Sebuah kisah seorang nenek mengulai seekor burung punai boleh tahan berpuluh hari kerana yang dimakan itu hanya kuahnya sahaja, sesudah habis ditambah pula akan air. Begitulah berkali-kali dilakukan. Akhirnya gulai itu disapu oleh seorang cucu bersekali dengan isinya dan kuahnya ... "*³

Ketiga-tiga buku ini amat sesuai untuk mendidik pelajar supaya berakhlak mulia dan menjauhkan dari sifat-sifat *madhmūmah*.

b. **Hadith Nabawī**

Buku Pelajaran Hadith Tahun 1 dan 2 ditulis berdasarkan kepada kitab *Riādu al-Ṣālihīn*. Bentuk susunan dan petikan hadith semuanya bersumber dari kitab tersebut. "... Penyusun setelah menerima pengesyoran dari rakan-rakan ... dengan sedaya upaya berusaha mengutip ayat-ayat dan hadith-hadith dari kitab *Riādu al-Ṣālihīn*..."⁴ Setiap tajuk yang dibincangkan didahului dengan ayat al-Quran kemudian diikuti dengan petikan hadith mengenai tajuk tersebut. Misalnya bab 1 dari buku Pelajaran Hadith 1 membincangkan tajuk "Ikhlas". Pelajaran tersebut dimulai dengan firman Allah s.w.t :

³ *Ibid.* h. 31-32.

⁴ Haji Ismail bin Haji Yusoff (1960), *Pelajaran Hadith Tahun 1*. *op.cit.* h. 1

وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ
وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ .

Surah al-Bayyinah (98) : 5

Bermaksud : “*Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadah kepada Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid ; dan supaya mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat ; dan yang demikian itulah agama yang benar*”.⁵

Terjemahan surah al-Bayyinah (98) : 5

Kemudian diikuti dengan hadith Umar Ibn al-Khaṭāb yang bermaksud :
Diriwayat melalui Umar Ibn al-Khaṭāb ; katanya : Ku dengar Rasulullah s.a.w
bersabda : “Sanya segala amalan dengan niat , dan sanya bagi tiap-tiap seorang itu apa
yang ia niat ...”.⁶

Pelajaran Hadith juga dibincang dalam buku-buku berikut mengikut sukatan
pelajaran baru tahun 1967. Buku-buku tersebut ialah : Pelajaran Agama (al-Quran dan
al-Hadith) Tingkatan 4 dan 5, Pelajaran Agama Islam Tahun 1 dan 2, Pelajaran
Agama Islam Tahun 5 dan 6, Pengetahuan Islam Tingkatan 4 dan Pengetahuan Islam
Tingkatan 5.

⁵ Sheikh Abdullah bin Muhd Basmeh dan Muhd Noor bin Haji Ibrahim (1990), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, *op.cit.* h. 1418.

⁶ Haji Ismail bin Haji Yusoff (1960), *op.cit.* h. 6-10

c. Tafsir al-Quran

Tafsir ayat al-Quran terdapat dalam buku Pelajaran Agama (al-Quran dan al-Hadith) Tingkatan 4 dan 5 dan juga buku Pengetahuan Islam yang lain, ini kerana buku-buku tersebut mengandungi berbagai tajuk perbincangan. Perkara yang dibincangkan ialah mengenai terjemahan ayat, pengertian umum dan makna-makna ayat, huraian maksud, hukum-hukum yang berkaitan dengan ayat tema dan kesimpulan dari pelajaran. Bentuk penyusunan mengenai tafsir ayat al-Quran lebih menekankan kepada ayat-ayat hukum dan pengajaran darinya.

Sebagai contoh, buku Pengetahuan Islam Tingkatan 4 membincangkan mengenai puasa dalam surah al-Baqarah ayat 183-185, larangan melakukan perbuatan haram dalam surah al-Ma'idah ayat 90 dan 91, surah al-Hajj ayat 27 dan 28 mengenai seruan mengerjakan haji dan surah al-Fatir ayat 15-18 menceritakan tentang kekuasaan Allah s.w.t.⁷

d. Tauhid

Buku Pelajaran Rukun Iman, Pelajaran Tauhid Penggal III dan Pelajaran Agama (Tauhid) tingkatan 4 dan 5 membincangkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan akidah yang perlu dipercayai. Buku Pelajaran Tauhid membincangkan mengenai rukun iman iaitu, percaya kepada Allah, Rasu-rasul, Malaikat, Kitab-kitab dan Hari Kiamat. Kepercayaan kepada Qada: dan Qadar dibincangkan secara mendalam dalam buku Pelajaran Agama 4 (Tauhid).

⁷ Lihat Haji Ismail bin Haji Yusoff (1965). *Pengetahuan Islam Tingkatan Empat*. Kota Bharu : Pustaka Aman Press. c. 1, h. 1-38.

Apa yang menarik dari tulisan almarhum mengenai ilmu Tauhid ialah bentuk penulisannya. Sebagai contoh, dalam buku pelajaran Tauhid beliau menulis buku tersebut dalam bentuk cerita dan juga terdapat beberapa sajak mengenai kekuasaan Allah s.w.t. Jalan ceritanya mengenai perbualan dua orang adik beradik, abangnya bernama Hamid dan adiknya bernama Said. Contoh-contoh yang dibawa dalam pelajaran mengenai sifat-sifat Allah s.w.t berlegar mengenai kehidupan seharian seorang pelajar.

Dalam pelajaran tujuh (7) mengenai alam semesta, beliau mendefinisikan alam dengan "segala jenis makhluk melainkan Allah s.w.t dikatakan alam".⁸ Alam itu dibahagikan kepada dua bahagian : alam sebelah bawah dan alam sebelah atas. Bagi menerangkan susunan alam sebelah atas beliau telah membuat lakaran mengenai susunan orbit dalam cakrawala.⁹ Dan pada pelajaran 9, beliau menulis sebuah sajak yang bertajuk "Oh Alam". Sajak tersebut berbunyi :

*Oh Alam ! Sungguh Indah Kejadian Mu
Dalam Serba Teratur, Kelu Lidah Hendak Menutur
Bumi Merupakan Sebuah Taman, Penuh Dengan Aneka
Kenikmatan
Udara Bergerak Membawa Tiupan Nun Jauh
Hujan Turun Menabur Siraman Pokok Berseri Dengan Kehijauan
Bunga Kembang Bersenyum-Senyum, Mengeluar Buah Laksana
Hidangan
Langit Bergemerlapan Cahaya, Merupakan Sebuah Mahkota
Bertatahkan Mutiara
Oh Alam ! Kejadian Mu Seni Seterang-terang Bukti
Menyuluh Hati mengaku Oh ! Penjadi
Bukti Mu Benar tak dapat diengkar ...¹⁰*

⁸ Haji Ismail bin Haji Yusoff (1962), *Pelajaran Ilmu Tauhid*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press, c. II, h. 14.

⁹ *Ibid*, h. 15.

¹⁰ *Ibid*, h. 18.

Buku-buku tulisan beliau mengenai ilmu tauhid walaupun ringkas tetapi merangkumi segala perbincangan yang perlu diketahui oleh seorang pelajar muslim.

e. **Fiqh**

Perbincangan mengenai fiqh tidak ditulis dalam sebuah buku khusus seperti matapelajaran yang lain. Ianya dibincang dalam buku Pengetahuan Agama dan Pelajaran Agama bagi tingkatan 4 dan 5. Dalam buku Pengetahuan Agama Tingkatan 4, enam tajuk mengenai fiqh dibincangkan iaitu Zakat Fitrah, Zakat Harta, Jenis-jenis Zakat, Syarat-syarat Wajib Haji dan Umrah, Perkara-perkara Yang Diharamkan Ketika Berihram dan Hikmah-hikmah Haji.¹¹

f. **Sejarah Islam**

Buku Sejarah Islam ditulis mengikut sukatan pelajaran agama persekutuan dan sebagai rujukan kepada pelajar tingkatan lima. Ianya bersumberkan beberapa buah buku karangan ulama' terkenal.¹² Buku ini dimulai dengan pengertian manusia dan tamadun serta kaitannya dengan Islam. Sebelum membincangkan mengenai latarbelakang bangsa Arab diberi penjelasan mengenai Islam dan ketamadunnya.

Buku ini dibahagikan kepada dua jenis sejarah. Pertama mengenai sejarah bangsa Arab yang merangkumi latarbelakang kelahiran bangsa Arab, bahasa Arab, sosio-budaya dan ekonomi, peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah bangsa Arab

¹¹ Haji Ismail bin Haji Yusoff (1965), *Pengetahuan Islam Tingkatan Empat*, op.cit, h. 61-152.

¹² Haji Ismail bin Haji Yusoff (1962), *Sejarah Islam*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press, c. 1, h. 3-4.

dan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh bangsa mereka. Manakala bahagian kedua membincangkan mengenai sejarah kelahiran ilmu pengetahuan yang dimulai dengan perbincangan mengenai unsur-unsur masyarakat Islam dan sejarah kelahiran ilmu dalam Islam seperti ilmu bahasa, sastera, falsafah, geografi dan lain-lain.

Walaupun buku ini hanya setebal 86 halaman, namun perbincangan yang dibawa telah menyentuh hampir keseluruhan sejarah Islam dan zaman sebelumnya. Ketokohan Dato' Haji Ismail dalam sejarah Islam terserlah dari buku ini. Tulisan ini adalah hasil dari pengalaman beliau mengajar matapelajaran sejarah Islam di Maahad Muhammadi.¹³

g. Usul Fiqh

Kitab *Risālah fī 'ilm Usūl al-Fiqh* merupakan sebuah buku pengantar usul fiqh yang ringkas ditulis dalam bentuk yang mudah difahami oleh pelajar sekolah agama. Buku ini ditulis dalam bahasa Arab bagi memberi kefahaman yang mantap terhadap istilah-istilah dan kaedah Usul Fiqh serta penggunaannya dalam hukum-hukum syariah. Buku ini merupakan huraian kepada matan *'Umdah al-Ṭulāb* karangan al-Sayyid 'Abbās Ibn al-Sayyid Muhammad Ibn al-Sayyid Ahmad Ibn al-Sayyid Ridwān seorang ulama' Madinah di kurun ke-14 Hijri.¹⁴

¹³ Temuramah dengan Ustaz Nik Abdul Kadir bin Haji Nik Muhammad di Masjid Pasir Pekan pada 21hb. April 2002.

¹⁴ Haji Ismail bin Haji Yusoff (1966), *Risālah fī 'ilm Usūl al-Fiqh*. Kota Bharu : Pustaka Aman Press, c. 1, h. 5.

Buku ini merangkumi semua persoalan asas yang berkaitan dengan usul fiqh, bermula dari Definisi ilmu usul fiqh hinggalah taqlid. Bentuk penyusunannya didahului dengan beberapa *bait matan 'Umdah al-Ṭulāh* dengan disertakan *I'rāb* matan tersebut kemudiannya huraian berserta dengan contoh.

h. Ilmu Mantik

Perbincangan mengenai ilmu Mantik dalam buku *Qawā'id al- Manṭiq* bermula dengan sejarah penulisan dan perkembangan ilmu tersebut. Diikuti dengan *al-Taṣawwur, al-Kullīyyah al-Khamsah, al-Qaḍāya, al-Qiyās* hinggalah *al-Istiḡra'*.

Buku ini mengajar para pelajar bagaimana menggunakan kaedah berfikir yang betul dan mengelak dari melakukan kesilapan dalam proses berfikir. Ilmu Mantik juga memberi suatu keupayaan kepada pelajar bagaimana untuk menilai sesuatu perkara itu adakah ia betul atau salah.

i. Mustolah Hadith

Bentuk penulisan buku *Al-Quṭūf al-Dānīyyah* Syarḥ *al-Manzūmah al-Baiqūnīyyah* ini sama dengan buku *Risālah fī 'ilm Usūl al-Fiqh*. Ianya merupakan huraian kepada matan *al-Manzūmah al-Baiqūnīyyah*. Buku ini merupakan pengantar kepada ilmu Mustolah Hadith. Walaupun ditulis dalam bahasa Arab namun ianya mudah difahami oleh para pelajar kerana penggunaan bahasa dan istilah itu telah disusun dalam bentuk yang mudah serta menepati kemampuan pelajar sekolah agama.

Buku ini merangkumi semua tajuk dan istilah yang digunakan oleh para *muhadithin* dalam perbincangan ilmu Hadith, al-Jarah wa al-Ta'dil, syarat-syarat penerimaan hadith dan sebagainya. Buku ini adalah hasil rujukan dan petikan daripada buku-buku mustolah hadith yang ditulis oleh ulama' hadis yang muktabar.¹⁵

1.2 Buku Bacaan Umum

Terdapat 9 buah buku karangan Dato' Haji Ismail yang dikategorikan sebagai buku bacaan umum. Walau bagaimana pun, penulis hanya dapat mengumpulkan 7 buah daripadanya sahaja. Buku-buku yang dapat dikumpul oleh penulis kebanyakannya tersimpan di rumah almarhum di Kg. Sireh, Kota Bharu. Dengan ehsan isteri almarhum, Datin Che Hawa penulis dapat membuat salinan dari buku-buku tersebut. Buku yang berjudul "Risalah Wahyu" dan "Benarkah al-Quran Kalam Allah" tidak dapat ditemui oleh penulis, tetapi ianya telah disenaraikan oleh Ustaz Muhammad Yunan dalam tulisannya mengenai almarhum.¹⁶ Senarai buku-buku tersebut ialah :

- i. Panduan Mengerja Haji
- ii. Himpunan Fatwa 1
- iii. Muqaddimah Mustika Hadith
- iv. Mustika Hadith 1
- v. Mencari Kebenaran

¹⁵ Haji Ismail bin Haji Yusoff (1962), *Al-Qutūf al-Dāniyyah Syarḥ al-Manzūmah al-Bāqūniyyah*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press. c.II, h. 4.

¹⁶ Muhammad Yunan bin Mahmood (1989), "Mufti Dato' Haji Ismail bin Haji Yusoff", Dalam *Riwayat Hidup Tokoh-Tokoh Ulama' Kelantan*, Kota Bharu : Yayasan Islam Kelantan, c. I, h. 173.

- vi. Falsafah Rukun Iman
- vii. Punca Perselisihan Ulama'
- viii. Risalah Wahyu
- ix. Benarkah al-Quran Kalam Allah

1.2.1 Ulasan Mengenai Buku Bacaan Umum

Kebanyakan buku-buku ini ditulis oleh Dato' Haji Ismail sekitar tahun 60-an dan awal 70-an melainkan buku *Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan* yang ditulis pada tahun 1987. Ketika itu beliau masih lagi mengajar di Jamie' Merbau dan merupakan era kegemilangannya dalam penulisan. Antara buku karangan beliau yang masih lagi digunakan hingga hari ini ialah *Muqaddimah Mustika Hadis*, *Mustika Hadis 1* dan *Panduan Mengerja Haji*. Di bawah ini penulis akan cuba memberi ulasan mengenai beberapa buah buku karangan beliau.

a. Panduan Mengerja Haji

Buku Panduan Mengerja Haji ditulis pada tahun 1964 sebagai panduan bagi para jemaah haji yang ingin menunaikan haji, umrah dan ziarah di tanah suci. Buku tersebut ditulis berpandukan pengalaman beliau berada di tanah suci selama 10 tahun ketika belajar di sana dan rujukan kepada beberapa buah kitab muktabar antaranya *Irshād al-Anām* karangan Sayed Yūsuf al-Ṭāh al-Makkī, *al-Īdāh* karangan al-Imam al-Nawawī, *Manāsik* karangan Ibn Ḥajr al-Haitamī, *Asrār al-*

Haj karangan Imam al-Ghazālī, *Athār al-Madīnah al-Munawwarah* karangan al-Syeikh Mahmūd Khalīfah dan lain lagi.¹⁷

Buku ini mendapat sambutan yang mengalakkan dari para pembaca terutama bakal-bakal haji dan ianya masih di cetak hingga ke hari ini oleh Pustaka Aman Press.¹⁸ Buku ini mengandungi keterangan lengkap mengenai beberapa persoalan dan cara-cara mengerjakan ibadah haji : mulai turun dari rumah, semasa di atas kapal, di pelabuhan Jeddah, amalan-amalan sepanjang mengerjakan haji dan umrah, menziarahi Madinah dan tempat-tempat yang bersejarah hingga kembali ke tanah air.¹⁹

b. Himpunan Fatwa 1

Buku Himpunan Fatwa jilid I ini merupakan buku pertama menghimpun fatwa-fatwa Mufti kerajaan negeri Kelantan yang selama ini tersimpan di pejabat Mufti. Dorongan utama yang mendorong almarhum mengumpul fatwa-fatwa ini ialah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Tuanku al-Sultan Ismail Petra. Titah baginda supaya berbuat demikian untuk memenuhi kehendak ahli masyarakat Kelantan yang cintakan ilmu pengetahuan agama Islam.²⁰ Dalam usaha menyusun buku ini beliau

¹⁷ Haji Ismail bin Haji Yusoff (1964), *Panduan Mengerja Haji*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press, c. 1, h. 115.

¹⁸ Temuramah dengan Encik Lukman bin Ibrahim, Pegawai Percetakan Pustaka Aman Press di pejabat beliau di Kota Bharu pada 25hb. Febuari 2002.

¹⁹ Haji Ismail bin Haji Yusoff (1964), *op.cit.*, h. 3.

²⁰ Haji Ismail bin Haji Yusoff (1987), *Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan Jilid Pertama*. Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, c. 1, h. VII.

telah dibantu oleh Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Yusuf, seorang Anggota Jamaah Ulama' MAIK.²¹

Fatwa-fatwa yang terkandung dalam buku ini dikeluarkan oleh Mufti sebagai menjawab pertanyaan yang datang dari berbagai peringkat anggota masyarakat sama ada secara persendirian atau agensi-agensi kerajaan. Buku ini disusun menjadi 35 bab kesemuanya. Dimulai dengan bab pertama yang menyentuh kuasa Mufti, hal-hal yang berkaitan dengan hukum *Tahārah*, soal ibadat, muamalah, munakahat dan hinggalah persoalan imam Mahdi dan bidah khurafat. Antara fatwa yang disentuh ialah mengenai wang pemberian bank. Fatwa tersebut dimasukkan dalam bab ke 25, berbunyi :

Pertanyaan : Apakah hukum pemberian wang daripada bank, adakah harus diterima atau tidak ?

*Jawapan : Menurut apa yang diberitahu bahawa amalan-amalan niaga sesebuah bank itu bukanlah semuanya haram belaka bahkan banyak amalan-amalan niaga yang tidak bercanggah dengan hukum syarak Bila begitu, maka pemberian wang daripada bank itu tidak haram diterima ...*²²

c. **Muqaddimah Mustika Hadith**

Muqaddimah Mustika Hadith, sebuah buku yang diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri sebagai intisari daripada kandungan ketiga-tiga jilid Mustika Hadith Rasulullah s.a.w yang akan dikeluarkan selepas ini,

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.* h. 159.

dan "Muqaddimah" ini diterbitkan bersempena dengan Pertandingan Membaca al-Quran pada tahun 1973.²³

Penyusunan buku ini telah diusahakan bersama oleh Dato' Haji Ismail, Dato' Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim dan Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeh. Hadith-hadith yang dimuatkan dalam buku ini adalah pilihan dari berbagai kitab hadith muktabar seperti *Sahih al-Bukhārī*, *Sahih Muslim*, *Jamie' al-Tarmizi*, *Sunan Ibn Mājah*, *Sunan Abī Dāud* dan sebagainya. Hadith-hadith yang dipilih dan dikumpulkan ini, setelah diterjemah diikuti pula dengan huraian maksudnya dengan berpandukan kitab-kitab huraian hadith dan pendapat-pendapat ulama' yang difikirkan sesuai dengan keadaan masyarakat tanah air.²⁴

Terdapat sebanyak 42 buah hadith yang dimuatkan dalam *Muqaddimah Mustika Hadith* dan disusun dalam 10 bab. Antara bab-bab yang terdapat di dalam buku ini ialah bab "Agama Yang Diredhai Allah ialah Islam". Bab ini dimulai dengan firman Allah yang bermaksud : " Sesungguhnya agama yang diredhai Allah ialah Islam ...".²⁵ Dan ayat 85, surah Āali 'Imrān yang bermaksud : "Barangsiapa mencari agama selain dari agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya ...".²⁶ Manakala hadith pertama dimulai dengan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hūairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bersabda. maksudnya :

²³ Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein (1973). "Kata-kata Aluan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri", dalam: Haji Ismail bin Haji Yusof *et al'* (1973). *Muqaddimah Mustika Hadith Rasulullah S.A.W.*; Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. c. 1, h. 5.

²⁴ *Ibid.* h. 7-8.

²⁵ Terjemahan surah Āali 'Imrān (3) : ayat 19. Al-Quran dan Terjemahannya (t.t.). *op.cit.* h. 78.

²⁶ Terjemahan surah Āali 'Imrān (3) : ayat 85. *Ibid.* t. 90.

" Sekelian umat ku akan masuk syurga kecuali orang yang enggan". Sahabat-sahabat baginda bertanya : " Ya Rasulullah ! Siapakah orang-orang yang enggan itu ? ". Baginda s.a.w menjawab : " Siapa yang taat kepada ku akan masuk syurga, dan siapa yang derhaka kepada ku maka sesungguhnya ia telah enggan ".²⁷

Sebagai pendahuluan, diberi sedikit tentang ilmu mustolah hadith yang menyangkut pengertian hadith, hadith qudsi, sanad, matan, darjat-darjat hadith seperti sahih, hasan dan sebagainya. Almarhum Dato' Haji Ismail telah menghabiskan kebanyakan waktu malamnya untuk mengumpul dan menulis hadith-hadith tersebut bagi menyiapkan buku ini dan buku Mustika Hadith yang seterusnya.²⁸ Buku-buku Mustika Hadith yang disusun oleh beliau kini menjadi salah sebuah teks pengajian hadith di masjid dan surau seluruh negara.²⁹

d. Mencari Kebenaran

Sedia dimaklumi bahawa sebesar-besar bencana ialah bencana yang menimpa jiwa manusia ... dan sebesar-besar perjuangan ialah perjuangan membebaskan jiwa manusia ... jelasnya semudah-mudah jiwa itu dipengaruhi ialah jiwa yang tidak terikat dengan aqidah ketuhanan dan pegangan agama.³⁰ Di atas kesedaran mengenai perkara inilah almarhum menulis buku ini untuk memperkenalkan pencipta alam dengan mengemukakan dalil-dalil logik disamping dalil-dalil *naqli* agar aqidah umat Islam

²⁷ Haji Ismail bin Haji Yusoff *et al* (1973), *op.cit.* h. 40.

²⁸ Temuramah dengan Muhd. Hilmi bin Haji Ismail, *op.cit.*

²⁹ Temuramah dengan En. Hasnan bin Haji Ramli, pegawai penyelidikan dan penerbitan JAHEAIK di pejabat beliau di Kompleks JAHEAIK, Lundaang pada 23hb. April 2002.

³⁰ Haji Ismail bin Haji Yusoff (1954). *Mencari Kebenaran*. Kota Bharu : Matbaah Majlis Agama Islam. t. 1.

terhadap tuhan dan agamanya menjadi kukuh dalam menghadapi serangan ideologi dari musuh Islam.³¹

Dunia Islam dalam era pasca perang dunia II berdepan dengan satu gelombang ideologi baru yang menolak adanya tuhan dan menafikan segala ciptaanya. Ideologi ini mendakwa bahawa alam ini adalah hasil proses evolusi tabie yang berlaku secara semulajadi bukannya ciptaan tuhan yang maha kuasa. "... Pendapat ini telah tersebar luas terutama sekali di kalangan ahli-ahli sains, ... mereka mengukur segala kejadian dengan apa yang dapat dijangkau oleh pancaindera mereka sahaja".³²

Selain dari mengemukakan dalil-dalil *aqli* mengenai kewujudan dan kekuasaan Allah, almarhum juga cuba menghuraikan petikan pendapat-pendapat ulama' silam dalam soal *tauhidullah*. Antaranya " Dalil adanya tuhan itu adanya alam ini".³³

" Cuba kita bawa perhatian kepada yang dekat sekali dengan cara yang lebih mudah, iaitu kepada pokok kelapa dan buahnya ... sebagaimana yang kita saksi ialah satu macam pokok yang tinggi serta besar batangnya, yang demikian itu di antara lain ialah supaya boleh menanggung keberatan buahnya yang bergugus-gugus itu yang penuh air di dalamnya, maka supaya selamat isinya daripada pecah manakala gugur dari pokok yang tinggi itu dijadikan dua lapis kulitnya ...

Perhatikan pula kepada binatang tupai yang hidup suka memakan isi kelapa ... dengan sebab dijadikan dia ada mempunyai dua batang gigi hadapan yang tajam boleh menembuskan tempurung yang keras itu dalam tempoh beberapa saat sahaja. Tidakkah kedua-dua kejadian itu dalam keadaan teratur ?

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.* t. 15.

³³ *Ibid.* t. 11-12.

Tak usahlah bertanya : Siapakah yang menjadikan kedua-dua kejadian ini ?... tetapi bertanyalah siapakah yang mengatur kedua-duanya ?... . Maka pada menjawab pertanyaan itu, tak ada siapa pun yang mengatur kedua-dua kejadian itu dan mensecocokkan di antara keduanya melainkan tuhan Khāliq al-‘Ālam. ”

Buku ini secara ringkasnya telah dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan mengenai kewujudan Allah dan kekuasaannya dengan disertakan dalil-dalil *aqli* dan *naqli* bagi memantapkan keyakinan umat islam dalam menghadapi isme-isme yang meragukan. Manakala bahagian kedua pula membincangkan mengenai kerasulan nabi Muhammad s.a.w dengan didahului perbincangan mengenai keperluan manusia kepada rasul bagi memandu mereka menuju Allah s.w.t. Di akhir perbincangan, almarhum menyisipkan persoalan mengenai sifat dan tindak-tanduk kaum Yahudi di Madinah terhadap Rasulullah s.a.w.

“ Sekiranya buku ini dibaca dengan teliti dan diamati serta ditimbang dengan neraca keinsafan, maka dipercayai bahawa segala kemusykilan mengenai pegangan dua kalimah syahadah yang mulia itu akan hilang ...” .³⁴

1.3 Artikel Tulisan Dato’ Haji Ismail

Setakat yang dapat dikumpulkan oleh penulis, terdapat 45 buah artikel yang ditulis oleh almarhum di dalam majalah Pengasuh semasa hidupnya. Penulis berkeyakinan masih terdapat banyak lagi artikel yang dihasilkan oleh beliau yang

³⁴ *Ibid.* t. 44.

tidak dapat dikumpulkan oleh penulis sama ada di dalam majalah Pengasuh atau majalah dan akhbar lain. Keyakinan ini bersandarkan kepada temuramah penulis dengan Ustaz Muhammad Yunan dan Dato' Shukri (Timbalan Mufti), kedua-dua mereka adalah anak murid beliau yang mengikuti perkembangan penulisan almarhum semasa hayatnya.³⁵

Disamping itu juga, koleksi simpanan majalah Pengasuh yang terbaik terdapat di perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri.³⁶ Namun masih banyak bilangan majalah Pengasuh yang tidak terdapat dalam koleksi tersebut. Walau bagaimana pun dengan jumlah yang terkumpul ini sudah cukup untuk membari gambaran mengenai gagasan pemikiran yang disarankan oleh Dato' Haji Ismail dan ketokohnya dalam bidang penulisan.

Pada peringkat awal penulisan beliau sekitar tahun 50-an dan 60-an beliau menggunakan nama pena *Abi* dan *Abu Silmi* ketika menulis dalam Pengasuh sehinggalah pada tahun-tahun 70-an beliau menggunakan nama sebenar iaitu setelah beliau mula berkhidmat dengan MAIK. Daripada apa yang telah dikumpulkan penulis akan menyenaraikan tajuk-tajuk artikel beliau mengikut bidang perbincangannya seperti : syariah dan perundangan, aqidah, tasawuf, dakwah islamiah dan persoalan semasa.

³⁵ Temuramah dengan Ustaz Muhammad Yunan bin Mahmood., *op.cit.* ; Temuramah dengan Dato' Shukri di pejabat Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, Kompleks JAHEAIK. Lundang pada 2hb. Jun 2002.

³⁶ Temuramah dengan Encik Arifin bin Yusof, Pembantu Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Nilam Puri pada 18hb. Febuari 2002 di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Nilam Puri.

a. **Syariah dan Perundangan**

1. "Rukun Talak", *Pengasuh*, bil.430. Febuari 1978.
2. "Lafaz Talak", *Pengasuh*, bil.438. November 1978.
3. "Syarat Pada Yang Ditalak", *Pengasuh*, bil.434. Jun 1978.
4. "Wali Mujbir", *Pengasuh*, bil.416. Jun-Julai 1976.
5. "Mas Kahwin", *Pengasuh*, bil.428. Disember 1977.
6. "Peranan Akad Dalam Perkahwinan : Nikah Cina Buta Bukanlah Nikah Yang Sebenar", *Pengasuh*, bil.425. Ogos 1977.
7. "Izin Perempuan Diperlukan", *Pengasuh*, bil.422. Mac-April 1977.
8. "Apakah Hukum Perkahwinan Dengan Orang-orang Yang Ditukarkan Jantainya Melalui Proses Pembedahan", *Pengasuh*, bil.420. Disember 1976.
9. "Dua saksi : Cara-cara Akad Nikah Lebih Tinggi Nilainya Dari Akad Jual beli", *Pengasuh*, bil.417. Ogos 1976.
10. "Wali Sultan : Bagaimana hendak Mengahwini Seorang Perempuan Jika Walinya Di Dalam Penjara", *Pengasuh*, bil.416, Jun-Julai 1976.
11. "Perpindahan Kuasa Wali", *Pengasuh*, bil.414, April 1976.
12. "Gambar Dan Mengambar", *Pengasuh*, bil.246, Febuari 1953.
13. "Konsep Taharah Dalam Islam", *Pengasuh*, bil. 404. Mac 1975.
14. "Peminangan Bukan Jual Beli", *Pengasuh*, bil. 405, April 1975.
15. "Puasa Dan Rahsiannya", *Pengasuh*, bil. 284, Sya'ban 1375.

b. **Aqidah**

1. "Kenapakah Manusia Berhajatkan Kepada Rasul", *Pengasuh*, bil.315, April 1959.
2. "Subud : Ugamakah Atau Tidak ?", *Pengasuh*, bil.329, Jan-Feb. 1961.

3. "Hari Rabu Akhir Safar", *Pengasuh*, bil.266, September 1954.
4. "Tuhan", *Pengasuh*, bil. 338, Oktober 1964.
5. "Islam", *Pengasuh*, bil. 340, Disember 1964.

c. **Dakwah Islamiyah dan Persoalan Semasa**

1. "Rahsia Kemunduran Kita", *Pengasuh*, bil.248, April 1953.
2. "Ke Arah Menyatukan Fahaman", *Pengasuh*, bil.256, Disember 1953,.
3. "Peristiwa Hudaibiah", *Pengasuh*, bil.267, Oktober 1954.
4. "Hari Kemenangan Islam", *Pengasuh*, bil.265, Ogos 1954.
5. "Berkorbanlah", *Pengasuh*, bil.264, Julai 1954.
6. "Punca Kejayaan Yang Sebenar-benarnya", *Pengasuh*, bil.260, April 1954.
7. "Kata Pasti Dikota", *Pengasuh*, bil.259, Mac 1954.
8. "Islam Dan Kerjasama", *Pengasuh*, bil.257, Januari 1954.
9. "Islam Dan Kristian", *Pengasuh*, bil.247, Mac 1953.
10. "Islam Dan Perhambaan", *Pengasuh*, bil.248, April 1953.
11. "Islam Dan Peri Kemanusiaan", *Pengasuh*, bil.252, Ogos 1953.
12. "Islam Mengarahkan Keamanan Sejagat", *Pengasuh*, bil.253, September 1953.
13. "Khutbah Idul Fitri", *Pengasuh*, bil. 418, September 1978.
14. "Sejarah Kaabah, Haji Dan Hikmatnya", *Pengasuh*, bil. 287, Jun 1956,
15. "Sedikit Tentang Hadis Maudu'", *Pengasuh*, bil. ?, Disember 1959,
16. "Pelajaran Kaum Wanita", *Pengasuh*, bil. 166, September 1954,
17. "Untuk Panduan Mujahidin Islam", *Pengasuh*, bil. 286, September 1956,
18. "Sendi-sendi Pengajaran Islam", *Pengasuh*, bil. 290, September 1957,

19. "Peristiwa Tahun Hijrah", *Pengasuh*, bil. 294, Mei 1957,
20. "Universiti Islam Merupakan Kepentingan Bersama", *Pengasuh*, bil. 343, Mac 1965,

d. **Tasawwuf dan Akhlak**

1. "Pembentukan Jiwa", *Pengasuh*, bil.249, Mei 1953.
2. "Agama Dan Nafsu", *Pengasuh*, bil. 273, April 1955,
3. "Pengertian Zahid Dalam Islam", *Pengasuh*, bil. 281, Disember 1955,
4. "Belajar Kenal Dengan Kebajikan Dan Kedosaan", *Pengasuh*, bil. 277, Ogos 1955,
5. "Pengaruh Malu Kepada Manusia", *Pengasuh*, bil. 276, Julai 1955.

1.3.1 Ulasan Mengenai Artikel

Daripada tulisan-tulisan beliau ini menampakkan sifat keterbukan beliau dalam menangani setiap isu yang diperkatakan. Corak persembahan dan gaya penulisannya menampilkan penguasaan beliau terhadap ilmu Mantik (logik) dan ilmu alat yang lain.³⁷ Lebih-lebih lagi pada masa itu masyarakat memerlukan suatu pendekatan baru dalam penyampaian dakwah Islamiah.

Terdapat 15 tajuk artikel yang ditulis oleh Dato' Haji Ismail mengenai syariah dan perundangan Islam. Persoalan-persoalan yang disentuhnya tidak terbatas kepada ibadah semata-mata malah merangkumi muamalat, munakahat dan perundangan.

³⁷ Ilmu alat yang dimaksudkan ialah *Usul fiqh, Mantik, Qawaid fiqhyyah dan Tata Bahasa Arab*.

Kebanyakan tajuk-tajuk tersebut mengenai munakahat yang ditulis sekitar penghujung tahun 70-an kerana pada ketika itu beliau menyandang jawatan Timbalan Mufti yang juga merangkap pengerusi Jemaah Qadhi Kelantan.

Tujuan utama penulisan beliau bukanlah sekadar menerangkan hukum-hukum agama tetapi adalah bertujuan menegur sikap masyarakat dan memperbaiki adat resam yang bercangah dengan ajaran agama. Sebagai contohnya beliau menulis "Sebelum daripada adat perkahwinan berlangsung diadakan satu upacara yang dinamakan peminangan ... pada mulanya upacara ini untuk menandakan terikatnya pertunangan ... tetapi sekiranya bayaran bawaan dan bayaran balasan ... tidak seimbang ... akan menimbulkan rasa tidak puas hati ... hingga membawa kepada penceraian teruna dan dara ...".³⁸ Seharusnya peminangan itu tidak diukur pada barang hantaran dan balasan tetapi pada ikatan janji yang berasaskan suka sama suka, khasnya kedua-dua bakal pengantin.³⁹

Dalam mengutarakan pandangannya beliau lebih melihat kepada masalah dan hikmah dari sesuatu hukum itu yang seharusnya difahami oleh umat Islam. Dalam perkara *khilafiah* beliau berpendapat adalah tidak wajar hukum-hukum khilafiah itu disebarkan kepada semua lapisan masyarakat terutama orang awam, apa lagi dengan memaparkannya dalam akhbar yang dapat ditatapi oleh semua. Beliau menyatakan "sangatah tidak wajar kepada ahli-ahli agama melahirkan hukum-hukum khilafiah kepada masyarakat awam ... kerana dengan berbuat demikian sebenarnya menambah

³⁸ Haji Ismail bin Yusoff (1975), "Peminangan Bukan Jual Beli", *Pengasuh*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 405, April 1975, h. 19.

³⁹ *Ibid.* h. 43.

fitnah kepada masyarakat awam yang telah sedia banyak menghadapi fitnah sesama mereka ...”⁴⁰

Beliau meyarankan agar para ulama' berusaha menghapuskan segala kekeliruan terhadap Islam dan berusaha menegakkan hukum-hukum *Ijma'iyah*. Walaupun beliau merupakan seorang tokoh ulama' yang agak toleran dalam hal-hal khilafiah namun beliau tidak bersetuju semua perkara harus diperbincangkan kepada umum.

Dari aspek aqidah pula, Dato' Haji Ismail telah mengemukakan satu pegangan aqidah yang lengkap, bermula dengan mengenal Allah hinggalah kepada hakikat beriman dengan hari akhirat. Tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam Pengasuh merupakan intisari dari dua bukunya yang utama mengenai aqidah iaitu *Falsafah Rukun Iman* dan *Mencari Kebenaran*. Apa yang menarik dari tulisannya ialah beliau telah mempersembahkan satu pendekatan baru dalam pegangan aqidah umat Islam iaitu dengan menggunakan dalil-dalil akal dan contoh yang secocok dengan pemikiran masyarakat moden.

Beliau menulis artikel mengenai aqidah bertujuan menjawab serta menangkis kekeliruan yang timbul dalam masyarakat Islam pada masa itu. Sekitar tahun 60-an dan 70-an aliran pemikiran yang menolak wujudnya Allah amat tersebar luas dalam masyarakat Melayu. Misalnya dalam tulisannya bertajuk “Tuhan” beliau

⁴⁰ Haji Ismail bin Yusoff (1965), “Hukum-hukum Khilafiah Dan Masyarakat Awam”, *Rencana Pengarang Pengasuh*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 350, November 1965, h. 5.

menyangkal pandangan yang mengatakan bahawa suatu perkara atau peristiwa itu berlaku secara semulajadi.

Dalam tulisan yang bertajuk "Islam" beliau menjawab tuduhan yang mengatakan agama Islam itu membawa kepada kemunduran. Sebenarnya kemunduran umat Islam kini disebabkan oleh sikap mereka sendiri. Antara faktor yang menyebabkan mereka mundur ialah umat Islam tidak berpegang kepada ajaran Islam, kelamahan institusi pentadbiran Islam dan terdapatnya segolongan umat Islam yang melihat Islam secara lahir sahaja.⁴¹

Pada tahun 1961 tersebar di seluruh negeri Kelantan terutama di bandar-bandar suatu ajaran yang bernama "Subud". Ajaran ini berasal dari Indonesia, ianya merupakan sebuah *tarikah* yang direka oleh seseorang mengenai cara untuk mengahampiri tuhan dan melakukan amalan soleh. Beliau telah menulis sebuah artikel yang bertajuk "Subud : Ugamakah atau Tidak ?" beliau menyatakan " ... ajaran itu amatlah salah kerana soal-soal ketuhanan dan soal amalan soleh tak harus seorang pun mereka-reka dengan fikiran mereka sendiri. Hanya rasul jua yang membawa dan menetapkannya ...".⁴² Beliau cuba menerangkan kepada masyarakat akan kebenaran dan mengajak mereka kemabali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Dalam bidang dakwah dan isu-semasa beliau merupakan seorang yang amat prihatin kepada persoalan semasa umat Islam. Beliau cuba mengemukakan kepada

⁴¹ Haji Ismail bin Yusoff (1964), "Islam", *Pengasuh*. Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 340, Disember 1964, h. 19

⁴² Haji Ismail bin Yusoff (1961), "Subud : Ugamakah atau Tidak ?", *Pengasuh*. Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 329, Jan - Feb 1961, h. 9

masyarakat Islam cara dan kaedah dakwah rasulullah s.a.w. Perkara ini dapat dilihat dalam tulisan yang bertajuk "Peristiwa Hudaibiah", "Peristiwa Tahun Hijrah" dan "Pelajaran Kaum Wanita". Mengenai isu pendidikan umat Islam beliau mengatakan bahawa penubuhan universiti Islam bukan hanya untuk kepentingan agama semata-mata tetapi ianya diperlukan untuk menangkis serangan komunisme daripada menembusi kepercayaan manusia terhadap Allah s.w.t dan demokrasi bebas yang diamalkan dalam masyarakat kita.

Beliau cuba menyentuh mengenai kemerosotan akhlak dan moral umat Islam dalam tulisannya yang bertajuk "Kesan Dakwah Uagama Di Zaman Kebendaan", menurut beliau segala usaha dakwah yang telah dilakukan begitu lama tetapi buah yang dapat dihasilkan nampaknya tidaklah seberapa sebagaimana yang diharapkan, malah manusia ramai tetap masih juga liar dan tidak mahu mendekati Islam. Kegagalan ini sebenarnya adalah berpunca dari kegagalan para ulama' dan pemimpin agama yang tidak dapat meletakkan diri mereka ditempat yang selayaknya di kalangan masyarakat.⁴³

1.4 Kertas Kerja

Sepanjang almarhum berkhidmat dengan MAIK, beliau telah menghasilkan puluhan kertas kerja. Menjadi kebiasaan beliau apabila menghadiri sesuatu majlis perbincangan sama ada di atas nama beliau sendiri atau mewakili Dato' Mufti beliau akan membawa bersamanya kertas kerja yang akan dibentangkan. Ketokohan beliau

⁴³ Haji Ismail bin Yusoff (1965), "Kesan dakwah Agama Di Zaman Kebendaan", *Rencana Pengarang Pengasuh*. Kota Bharu : Majlis Uğama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 348, September 1965, h. 3.

dalam penulisan dan ketekunan dalam penyelidikan menjadikan Dato' Mufti Haji Mohd. Noor memberi kepercayaan sepenuhnya kepada almarhum untuk mewakili beliau dalam tugas-tugas rasmi.⁴⁴

Setakat yang dapat dikumpulkan oleh penulis terdapat sebanyak 4 buah kertas kerja. Kertas kerja pertamanya yang bertajuk "Kedudukan Anak Yatim Dalam Islam Dan Pembelaannya" dibentangkan dalam Seminar Kebajikan dan Pendidikan Islam Kelantan yang diadakan di Maahad Muhammadi pada 14-16hb. April 1971.⁴⁵

Dalam kertas ini beliau menyarankan agar penjagaan anak yatim seharusnya mendapat pembelaan dari masyarakat Islam kerana tanggungjawab ini bukanlah sekadar memberi makan minum sahaja, melainkan dikehendaki juga supaya meliputi seluruh keperluan hidup sesuai dengan keadaan dan zaman agar anak-anak yatim tersebut dapat menjadi manusia yang sempurna.⁴⁶

Beliau menegaskan bahawa pengertian anak yatim itu tidaklah terhad kepada seorang yang kematian ibu atau bapa, malah merangkumi anak-anak yang menjadi mangsa penceraian ibu bapa sama ada mereka itu berharta atau tidak. Dalam menjaga harta anak yatim beliau menegur sikap masyarakat yang menghabiskan harta anak yatim dengan cara membazir, antaranya mengadakan kenduri kematian. Kerana harta

⁴⁴ Temuramah dengan Dato' Muhd. Shukri bin Muhammad, *op.cit.*

⁴⁵ Haji Ismail bin Haji Yusoff (1971), "Kedudukan Anak Yatim Dalam Islam Dan Pembelaannya", *Pengasuh*, bil.390, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Ogos 1971, h.7-11 dan 26.

⁴⁶ *Ibid*, h. 10-11.

yang dikeluarkan untuk kenduri itu seharusnya digunakan untuk perbelanjaan mereka.⁴⁷

Pada tahun 1981 kerajaan telah memperkenalkan suatu skim pemilikan saham untuk orang Melayu dan bumiputera dalam pelbagai sektor ekonomi terutama perusahaan dan perdagangan untuk mempertingkatkan pegangan ekuati dan pemilikan mereka sekaligus meningkatkan taraf ekonomi bumiputera. Permodalan Nasional berhad telah menubuhkan beberapa tabung bagi tujuan tersebut antaranya Amanah saham Nasional. Isu ini menjadi satu isu besar di kalangan masyarakat Islam Kelantan mengenai status hukum pelaburan. Bagi mengatasi kekeliruan yang berlaku Dato' Haji Ismail telah menulis satu kertas kerja yang bertajuk "Fatwa Amanah Saham". Kertas Kerja yang dikemukakan kepada MAIK pada tahun 1984.

Pada pendapat Dato' Haji Ismail tidaklah menjadi halangan untuk umat Islam melabur dalam skim Amanah Saham. Keharusan itu disandarkan atas *darurah Iqtisadiyyah* umat Islam. Ini kerana keadaan ekonomi umat Islam di tanah air amat jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lain. Beliau melihat bahawa usaha kerajaan ini untuk mengeluarkan umat Islam dari kemiskinan tidaklah bercanggah dengan nilai agama. Walau bagaimana pun, ini tidaklah bererti beliau telah menghalalkan pelaburan dalam syarikat yang menjalankan perniagaan yang berasaskan riba dan bercanggah dengan Islam.⁴⁸

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ Temuramah dengan Dato' Haji Muhd. Shukri bin Muhamad. *op.cit.*

Dari sikapnya yang terbuka itu beliau dikatakan telah menarik balik pandangannya mengenai skim Amanah Saham setelah mendapat tentangan dari para ulama' dan masyarakat Islam Kelantan.⁴⁹

Pada 17hb hingga 19hb September 1985 telah diadakan Seminar Siasah Syariah, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Dalam seminar tersebut Dato' Haji Ismail telah dijemput untuk membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk "Hubungan Hukum Syarak Dengan Masalah Bani Insan".⁵⁰

Beliau menerangkan bahawa *maṣālih* adalah hak asasi semestinya dimiliki oleh setiap orang manusia ketika menjalani kehidupan.⁵¹ Manusia yang hidup di muka bumi ini mempunyai berbagai kehendak dan keperluan maka bumi serta apa yang ada di dalamnya dijadikan untuk kegunaan yang mendatangkan masalah dan faedah kepada manusia.

Walaupun manusia pada hari ini telah banyak berubah dan maju berbanding dengan manusia yang hidup di zaman para rasul namun mereka tetap seorang manusia yang tabiat dan keperluan mereka adalah sama cuma yang berbeza adalah masa, cara dan suasana kehidupan sahaja. Oleh kerana itu mereka diberitahu oleh para rasul bahawa disamping keperluan hidup di dunia ini terdapat juga keperluan hidup di akhirat yang perlu difikirkan.

⁴⁹ Temuramah dengan Dato' Haji Hasbullah bin Haji Hassan, *op.cit.*

⁵⁰ Kertas ini telah disiarkan dalam majalah *Pengasoh* bil. 573, Jan – Mac 2002, h. 12-23.

⁵¹ Haji Ismail bin Yusoff (2000), "Hubungan Hukum Syarak Dengan Masalah Bani Insan". *Pengasuh*. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 573, Jan –Mac 2002, h. 12.

Maṣāliḥ itu terbahagi kepada dua, pertama *ḥaqīqī* dan yang kedua *majāzī*. Dalam pembenaan hukum fekah *maṣāliḥ ḥaqīqī* yang diambil kira kerana ianya bersifat tetap, walaupun dalam pelaksanaan *maṣāliḥ* itu terdapat *māfasid* maka *māfasid* tersebut dianggap *maṣāliḥ majāzī*.⁵²

Dalam penutupnya, Dato' Haji Ismail membuat kesimpulan bahawa pengajaran fiqh kepada masyarakat Islam haruslah dengan menggunakan pendekatan yang bijaksana dari para ulama' dan pandangan mengenai *maṣāliḥ* dan *māfasid* bagi masyarakat, bangsa dan negara kita mungkin berbeza dengan bangsa dan masyarakat negara lain. Disamping itu juga beliau menyarankan kepada kerajaan agar menjalankan pemerintahan negara berdasarkan konsep *maṣāliḥ* dan *tadrijīyyah* serta *taqdim al-'aham fa al-'aham*.

Kertas kerja yang bertajuk "Tarikat Naqsyabandiyah" pula telah dibentang dalam Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan di Pusat Islam, pada 7hb – 8hb Disember 1987. kertas ini memberi gambaran mengenai asal usul tarikat tersebut serta amalan-amalannya dan salsilah syeikh tarikat hinggalah kepada rasulullah s.a.w.

2. KETUA PENGARANG MAJALAH PENGASUH.

Antara jasanya yang besar dalam bidang persuratan Islam di Kelantan ialah menjadi Ketua Pengarang majalah Pengasuh. Walaupun tempoh perkhidmatannya relatif pendek namun beliau berjaya membuat beberapa pembaharuan dalam

⁵² *Ibid.* h. 15.

penerbitan majalah Pengasuh serta melahirkan angkatan penulis muda yang mengisi persada persuratan dan dakwah Islam tanah air selepas beliau.

2.1 Catatan Mengenai Pengasuh

Majalah Pengasuh merupakan satu-satunya majalah tertua yang masih diterbitkan di Malaysia. Beberapa buah majalah lain yang diterbitkan sebelum dan sezaman dengannya seperti al-Imam, Seri Pustaka, Masa dan Majalah Guru sudah tidak diterbitkan lagi.⁵³ Sehingga hari ini, Pengasuh telah memasuki usianya yang ke-84 tahun.⁵⁴ Merupakan suatu tempoh yang relatif amat panjang dalam sejarah penerbitan tanah air.

Penerbitan majalah Pengasuh merupakan antara aktiviti awal penubuhan MAIK. Oleh kerana antara matlamat awal penubuhan MAIK ialah menterjemahkan kitab-kitab Arab (agama) ke dalam bahasa Melayu⁵⁵ disamping beberapa tujuan lain yang turut disenaraikan maka MAIK berusaha mengadakan percetakan sendiri pada tahun 1917. Pada tahun tersebut sebuah mesin cetak telah dibeli dengan harga RM 1,000.00⁵⁶ kemudiannya pada tahun 1919 sebuah lagi mesin cetak telah dibeli dengan

⁵³ Abdul Razak Mahmud (1988), "Beberapa Catatan Tentang Pengasuh (1988-1988)", *Majalah Pengasuh* Bil. 493, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai-Ogos 1988, h. 16.

⁵⁴ Keluaran terakhir Pengasuh sebelum disertasi ini dicetak dan pertama bagi tahun 2002 ialah bil. 573, Jan-Mac 2002.

⁵⁵ Penyata Tahunan MAIK Tahun 1988, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 2.

⁵⁶ Penyata Tahunan MAIK Tahun 1917, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 17.

harga RM 3,135.82 bagi menampung kerja-kerja percetakan yang semakin bertambah.⁵⁷

Dengan mempunyai percetakan sendiri maka MAIK telah menerbitkan sebuah majalah yang diberi nama *Pengasuh*. Majalah ini merupakan lidah rasmi MAIK yang diterbitkan pada hari Khamis 1hb. Syawal 1336 bersamaan 11hb. Julai 1918. *Pengasuh* pada keluaran awalnya berukuran 8.1" lebar dan 12.6" panjang dengan mengandungi lapan halaman seperti majalah dan buku-buku yang terbit sezaman dengannya, *Pengasuh* menggunakan tulisan jawi dengan kekerapan terbit dua kali sebulan⁵⁸ dengan harga 10 sen senaskah. Kemunculan *Pengasuh* berkebetulan dengan keadaan di mana seluruh dunia Islam sedang memperkatakan tentang pendekatan dakwah Islamiah dalam perspektif dan rangka modenis-reformis.

Di sepanjang usianya yang relatif panjang itu *Pengasuh* telah dipimpin oleh ramai tokoh ulama' dan intelektual Melayu. Terdapat sederetan nama yang tidak asing ketokohan mereka dalam dunia persuratan tanah air dan ilmuan Islam yang mengisi ruang-ruang kolum dalam majalah *Pengasuh*. Nama-nama seperti Haji Muhamad Yusof Awang Kenali (1918-1919), Dato' Laksamana Haji Muhamad bin Tok Khatib (1919-1933), Dato' Haji Ahmad Maher (1933-1935), Ahmad Adnan Ariffin (1946-1957), Hassan bin Haji Muhamad (1957-1961), Dato' Haji Ismail bin Yusoff (1964-1965), Drs. Abdul Ghani Azmi bin Idris (1967-1971), Dato' Haji Yusuff Zaki bin

⁵⁷ Abdul Razak Mahmud (1993), "Beberapa Catatan Tentang *Pengasuh* 1918-1988", *Majalah Pengasuh*, bil. 493, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istaaidat Melayu Kelantan, Julai-Ogos 1988, h. 17.

⁵⁸ *Ibid.*

Yacob (1975- ?)⁵⁹ adalah gandingan antara tokoh ulama' dan intelektual Melayu yang telah menjayakan penerbitan Pengasuh merintanggi berbagai cabaran dalam era sebelum dan selepas merdeka.

Pada keluaran sulongnya, Pengasuh mengandungi enam tulisan utama :

1. "Pembukaan" oleh Mahmud bin Ismail.
2. "Kemanusiaan" oleh Muhamad Yusof Awang Kenali.
3. "Kelebihan Hari Raya dan Hikmah Fitrah" oleh Haji Idris Hassan.
4. "Pekerjaan Melayu Purbakala" oleh Mahmud Daud.
5. "Kemajuan Surat Khabar dan Pgunaannya" oleh Dato' Laksamana Muhammad bin Said.
6. "Akhbar Dalam Negeri" oleh Ruangan Berita.

Dari keluaran sulong lagi telah menampakkan bahawa Pengasuh bukanlah hanya sebuah majalah agama tetapi isinya sungguh luas selain bersifat agama, ianya merangkumi pengetahuan am, sejarah, hukum hakam Islam, tata negara, ilmu politik, ilmu ekonomi, psikologi, ruangan bahasa Melayu, bahasa Arab dan ruangan soal jawab serta berita dari dalam dan luar negara.⁶⁰

Sebenarnya dari penerbitan Pengasuh itu MAIK tidaklah tertumpu kepada tujuan perniagaan. Hasrat MAIK yang sebenarnya ialah ingin menjadikan Pengasuh

⁵⁹ Abdul Razak Mahmud (1993). "Pengarang Pengasuh 1918-1993", *Majalah Pengasuh*, bil. 528, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istaaidat Melayu Kelantan, Julai-Ogos 1993, h. 31-43.

⁶⁰ Manzaidi Mohd Amin (2001); "Sumbangan Pengasuh Tidak Pernah Berubah", *Utusan Malaysia*, 19hb. Jun 2001.

sebagai lidah rasmi dalam menyebarkan pengajaran agama, nasihat dan teguran agama kepada orang ramai. Oleh yang demikian, MAIK merasa bangga kerana Pengasuh dapat dilangsungkan penerbitannya walaupun menghadapi berbagai masalah dan kerugian dari segi kewangan.⁶¹

Walaupun Pengasuh telah mengalami berbagai cabaran rebah bangun dan perubahan demi perubahan dalam sejarah penerbitannya namun sumbangannya tidak pernah berubah dari sebuah majalah yang berteraskan agama Islam yang menampung berbagai aliran pandangan ketua pengarangnya.

2.2 Menerajui Majalah Pengasuh

Dato' Haji Ismail mula dilantik sebagai Ketua Pengarang majalah Pengasuh bermula dari Oktober 1964 hingga November 1965, merupakan tempoh penerbitan yang paling pendek dalam sejarah penerbitan Pengasuh iaitu sebanyak 12 keluaran sahaja.⁶² Keluaran pertama Pengasuh di bawah Dato' Haji Ismail ialah bilangan 339 Rejab 1384 bersamaan November 1964. Kali ini Pengasuh dicetak di Pustaka Aman Press hingga November 1965.⁶³ Selepas itu untuk beberapa waktu lamanya Pengasuh tidak diterbitkan.

⁶¹ Dato' Haji Muhamad Yusof bin Hasan (1964), *Penyata Tahunan MAIK Tahun 1964*. Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 20. Dokumen tersimpan di Perpustakaan Islam MAIK dengan no. 93/01635.

⁶² *Ibid.*, h. 38.

⁶³ Dr. Syed Othman bin Syed Omar (2001) "Sumbangan Majalah Pengasuh Kepada Masyarakat" (Seminar Majalah Pengasuh, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur Kota Bharu. Pada 12-13hb Jun 2001).

Dua tahun kemudian jawatan Ketua Pengarang disandang oleh Drs. Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris. Kedua-dua tokoh ini menyandang jawatan tersebut secara sambilan dengan dibayar elaun sebanyak RM 200 bagi setiap keluaran.⁶⁴ Semasa menjadi Ketua Pengarang Pengasuh almarhum masih bertugas di Jamie' Merbau al-Ismaili sebagai seorang guru di bahagain Thanawi.

Pengasuh semasa di bawah Dato' Haji Ismail telah diterbitkan dalam bentuk baru sesuai dengan kebanyakan majalah agama dan ilmiah pada masa itu iaitu dengan barsaiz buku (18 cm panjang dan 13 cm lebar) setebal 118 halaman. Adalah dipercayai saiz ini digunakan bagi maksud menyaingi majalah *Dian* yang diterbitkan oleh Pustaka Dian Press yang amat popular dalam dekad 60-an.⁶⁵

Dengan pembaharuan itu jualan Pengasuh dapat ditingkatkan berbanding dengan tahun sebelum dan selepasnya. Pada tahun 1965 pengeluaran Pengasuh berjumlah 6,000 naskhah dan dijual dengan harga 50 sen. Majalah ini juga diberi secara percuma kepada tokoh-tokoh ulama' dan inteligensia Melayu termasuklah para anggota MAIK.⁶⁶ Kebanyakan tulisan yang disiarkan Pengasuh pada waktu itu dihasilkan oleh para pelajar, sama ada dari Universiti Malaya, Kolej Islam dan Maahad Muhammadi sendiri. Terdapat juga dua orang guru Maahad Muhammadi yang menulis rencana-rencana bersiri dalam Pengasuh pada waktu itu, mereka ialah Wan Husin Azmi dan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ Abdul Razak Mahmud (1993), *op.cit.* h. 39.

⁶⁶ Dato' Haji Muhamad Yusof bin Hasan (1964), *loc.cit.*

Antara tajuk rencana dan ruangan dalam Pengasuh bil. 345, Jun 1965 ialah : "Rencana Pengarang" oleh Ustaz Haji Ismail bin Yusoff, Tafsir Ayat Suci "Kesihatan Tubuh Badan Manusia" oleh Wan Hussin Azmi, Sudut Ilmu Jiwa "Percaya Kepada Diri Sendiri" oleh Ibrahim Haji Abdullah, Ruangan Berita mengenai kegiatan pelajar Maahad Muhammadi disiarkan dalam tajuk "Medan Pelajar", "Cabaran-cabaran Terhadap Alim Ulama' Kita" oleh Mohammad Uthman El-Muhammadi, "Mengapa Saya Tak Masuk Keristian" oleh Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, "Ruangan Wanita" oleh Puteri Shamsinar, ruangan Guntingan Fikiran Pujangga yang ditulis oleh Imam Hassan al-Basri dengan tajuk "Akhlahk Orang-orang Mukmin", "Peranan Wanita Dalam Masyarakat" oleh Aslama Azmi, ruangan Tokoh Islam dikendalikan oleh Ismail Awang dengan tajuk "Ibn Tufail", ruangan Puisi Islam dengan tajuk "Kejorang" dikelola oleh Muhaidi Yusmi.⁶⁷

Terdapat juga beberapa penulis jemputan yang menulis secara sambilan, antaranya Andang Teruna, Mokhtar Yaacob, Wan Mohamed Wan Yunus, A. Sabri, Abdullah al-Qari, Mokhtar Yaacob, S. Sharufuddin dan lain-lain.

Kata-kata hikmah dijadikan sebagai penghias majalah tersebut antaranya kata-kata Imam al-Ghazali : "... gila hormat itu terlarang, tetapi menjadi orang yang terhormat dan mulia itu haruslah menjadi tujuan hidup kita ...".⁶⁸ Dan sebuah lagi petikan yang terdapat di halaman 89 bertajuk "Masa Itu Besi" berbunyi :

⁶⁷ Haji Ismail bin Yusoff (ed.) (1965), *Majalah Pengasuh*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 345, Jun 1965, *Passim*.

⁶⁸ *Ibid.* h. 95.

" Kalau tuan pun mengetahui tentang seorang lelaki yang telah hidup selama lapan tahun, ia telah menghabiskan empat tahun dari umurnya buat menanti kawannya, menunggu keretapi di stesen. Tiga tahun pula buat bergunting dan bercukur, mandi dan memakai baju. Maka tentu dengan senang tuan akan sedar bahawa masa itu bukanlah seperti yang pernah dianggapkan oleh setengahsetengah orang ... " ⁶⁹

Tajuk-tajuk yang menjadi perbincangan beliau dalam ruangan *Rencana Pengarang Pengasuh* ialah mengenai persoalan semasa yang berkaitan dengan ulama' dan sikap orang Melayu terhadap agama dan kehidupan mereka. Antaranya ialah :

1. "Peranan Orang-orang Ugama Dalam Menghapuskan Khurafat", *Rencana Pengarang Pengasuh*, bil.344, Mei 1965.
2. "MAIK : Apakah Khidmatnya Kepada Adat Istiadat Melayu", *Rencana Pengarang Pengasuh*, bil.345, Jun 1965.
3. "Hukum-hukum Khilafiah Dan Masyarakat Awam", *Rencana Pengarang Pengasuh*, bil.350, November 1965.
4. "Sempena Bulan Maulid An-Nabi s.a.w", *Rencana Pengarang Pengasuh*, bil.346, Julai 1965.
5. "Akibat Dari Buta Ugama", *Rencana Pengarang Pengasuh*, bil.347, Ogos 1965.
6. "Kesan Dakwah Ugama Di Zaman Kebendaan", *Rencana Pengarang Pengasuh*, bil.348, September 1965.
7. "Tok Pekong Diberi Nama Syeikh Abdullah", *Rencana Pengarang Pengasuh*, bil.349, Oktober 1965.

Dengan tugas sebagai guru di Maahad Muhammdi bahagian tinggi dan ditambah dengan giliran mengajar kitab di halaqat masjid Muhammadi serta surau-

⁶⁹ *Ibid.* h. 89.

surau sekitar Kota Bharu, almarhum Dato' Haji Ismail pastilah tidak dapat memberikan penumpuan sepenuhnya kepada Pengasuh. Oleh kerana itulah dipercayai penerbitan Pengasuh terhenti selepas 12 keluaran di antara tahun 1964-1965.

Jasa almarhum terhadap Pengasuh ialah dengan membuat suatu perubahan besar pada corak persembahan dan isi kandung pada majalah tersebut. Disamping itu beliau telah melahirkan angkatan penulis muda melalui Badan Persuratan dan Kebudayaan⁷⁰ Maahad Muhammadi dengan menjadikan Pengasuh sebagai medan latihan para pelajarnya.

⁷⁰ Muhamad Yunan bin Mahmud (1988), *op.cit.* h. 120.